

**UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH
ANGGOTA LEMBAGA PENTADBIR MASJID
JUMAAT, 4 MAC 2011
ODITORIUM HAB ISLAM SINGAPURA**

Sejak zaman Rasulullah (saw), masjid berperanan untuk membina kerohanian umat. Risalah tauhid yang dibawa Baginda menjadi inti bagi pembangunan kerohanian.

2 Membina kerohanian umat berdasarkan risalah tauhid merupakan peranan pertama dan utama masjid. Sebagai pemimpin masjid, anda adalah generasi penerus bagi melaksanakan amanah yang dipesankan oleh Rasulullah (saw). Marilah kita melaksanakan amanah ini dengan penuh keinsafan sebagai hamba yang mengajak umat supaya beriman dan bertaqwa.

3 Saya ingin mengajak anda sekalian supaya menguatkan peranan masjid sebagai pembina kerohanian dengan mendekatkan lagi masjid dengan masyarakat. Kita boleh berbuat demikian dengan menyemarakkan masjid dengan pelbagai majlis ilmu, acara dakwah serta sesi pembelajaran agama dan meramaikan jemaah yang mengikutinya.

4 Di antara cabaran bagi pemimpin masjid adalah perubahan yang telah berlaku kepada profil masyarakat kita yang kita ingin tarik. Mereka sibuk dengan tugas seharian. Disebabkan pendedahan, pengalaman dan gaya hidup yang berbeza, keperluan dan kehendak kerohanian dan

pembelajaran agama mereka juga mungkin berbagai dan berbeza dari dahulu. Ilmu agama yang mereka inginkan agak khusus, berstruktur, membangun [developmental] dan bukan lagi bercorak umum. Mereka juga inginkan kaedah penyampaian dua-hala yang merangkumi sesi soal-jawab dan perbincangan bersama asatizah di dalam kumpulan yang lebih kecil.

5 Alhamdulillah, masjid-masjid kita sudah mula membuat perubahan dan penyesuaian. Usaha-usaha awal ini telah membuahkan hasil. Izinkan saya memberi beberapa contoh kaedah-kaedah 'bukan tradisional' [non-traditional] yang digunakan oleh masjid kita:

- “Sambil Menyelam, Minum Air”

Semakin banyak masjid yang mengadakan tazkirah selepas solat waktu. Ini adalah untuk mengambil kesempatan jemaah solat waktu yang hadir buat masa yang singkat. Mereka diberi cebisan ilmu agama yang fokus, misalnya kupasan sepotong hadith. Walaupun masa singkat dan ilmu yang disampaikan mungkin ringkas, tetapi ia akan bertambah hari demi hari.

Tambahan pula, banyak juga masjid menyediakan khidmat kenderaan untuk membawa pelajar-pelajar ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat. Di antaranya, kerjasama Masjid Ar Raudhah dengan Bukit Batok Boys Hostel. Yang menarik adalah usaha masjid untuk menyampaikan ilmu fardhu ain

selepas solat Jumaat selain menjamu mereka dengan makanan ringan.

- “Sambil Menunggu, Menimba Ilmu”

Ada banyak masjid, contohnya Assyaakirin, Al Istiqamah dan Darul Makmur yang menyediakan kelas agama kepada kaum ibu yang menunggu anak-anak mereka yang menuntut di madrasah masjid atau pun pra-sekolah. Dengan ini, masa menunggu mereka dimanfaatkan sepenuhnya.

- “Bantu dan Berdakwah”

Semakin bertambah masjid-masjid yang menyediakan kelas agama bagi golongan susah yang dibantu. Mereka meraih dua faedah – bantuan kewangan dari masjid dan ilmu agama dari para asatizah masjid. Masjid Al-Amin dan Masjid Alkhair merupakan dua buah masjid daripada banyak masjid yang melakukan sedemikian. Contoh yang lain ialah Masjid En-Naeem yang menyediakan kelas mengaji bagi golongan susah setiap minggu.

- Masjid Sebagai “Port” & Tempat Menimba Ilmu

Golongan pemandu teksi pula telah memilih Masjid Kampong Siglap dan Mujahidin sebagai “port” mereka. Selain dari tempat bertemu, rehat dan makan, mereka mendapatkan bantuan masjid untuk mengadakan program agama. Tambahan, mereka juga menyumbang kepada aktiviti-aktiviti masjid.

Sama juga dengan golongan bermotosikal - mereka memilih Masjid Omar Salamah sebagai "port" dan menimba ilmu agama di sana. Saya juga dengar akan diadakan program untuk belia 'mat motor' di Masjid Ar Raudhah pada bulan ini.

- Pelajar dan Pembangunan Moral

Ramai pelajar juga mendapat manfaat dari usaha-usaha masjid kita, seperti Masjid Al-Mukminin, An Nur dan Al-Iman, yang menganjurkan program-program pembangunan moral. Ilmu-ilmu yang berguna telah disampaikan kepada pelajar-pelajar ini.

Tuan-tuan & Puan-puan sekalian

- Kaedah baru

Baru-baru ini ada usaha untuk menyampaikan kesedaran agama melalui medium yang baru dan sesuai dengan citarasa golongan muda. Masjid Abdul Ghafoor, Jamek Queenstown dan En-Naeem telah mengadakan program teater yang berunsur dakwah di dalam masjid.

- Kuliah & Bincang

Tambahan pula, semakin banyak masjid kita juga telah memperkenalkan perbincangan dengan pembimbing kuliah. Mereka juga telah menggunakan teknologi komunikasi. Misalnya, Masjid Kassim menggunakan kaedah SMS bagi peserta untuk mengajukan soalan atau komen kepada pembimbing kuliah. Masjid Al-Mawaddah menyediakan

wadah internet bagi asatizah mereka untuk berbincang dengan “jemaah” di luar masjid secara langsung dan “on-line”. Masjid Al Falah telah mengadakan “Tea Talk” iaitu program kesedaran Islam yang berstruktur, disampaikan secara interaktif di dalam kumpulan yang kecil.

6 Apa yang telah saya nyatakan merupakan beberapa contoh di mana masjid kita telah mencuba cara-cara “bukan tradisional” untuk memaksimakan dan mengoptimakan peluang berdakwah dan menyebarkan ilmu agama. Ada banyak lagi usaha-usaha baik yang telah dijalankan oleh banyak lagi masjid yang saya tidak nyatakan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada mereka.

7 Banyak lagi yang boleh kita cuba dan lakukan. Saya menyeru agar anda sekalian memikirkan cara-cara untuk menarik lebih ramai anggota masyarakat untuk menimba ilmu agama di masjid-masjid kita. Di sini saya meminta agar setiap LPM yang akan dilantik sebentar lagi melakarkan pelan dua tahun untuk menarik lebih ramai anggota masyarakat ke masjid untuk menimba ilmu agama. Dengan demikian, kita boleh menguatkan kedudukan masjid sebagai institusi yang berkesan untuk membina kerohanian umat Islam di negara kita ini.

Sekian.